

Headline	Kak Bi gembira diselamatkan JKM		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	21 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	10	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	175 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,032
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,096



Kak Bi gembira diselamatkan JKM

JOHOR BAHRU: Kak Bi, 50, wanita yang terpaksa menjaja tubuh demi sesuap nasi di Jalan Wong Ah Fook, di sini, dengan pendapatan antara RM5 dan RM10 sehari diselamatkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Johor Bahru, semalam.

Pegawai JKM Daerah Johor Bahru, Mohd Faizal Abu Bakar berkata, Kak Bi diselamatkan ketika mencari pelanggan.

"Ketika ditemui, Kak Bi ternyata gembira kerana ada pihak membantunya keluar dari kehidupan hitam itu.

"Selepas memberi kaunseling kepada Kak Bi, kami menghantarnya yang juga penghidap virus HIV ke pusat perlindungan Intan Life Zone di Taman Abad di Johor Bahru," katanya.

Semalam Harian Metro melaporkan Kak Bi mendakwa terpaksa menjaja tubuh sejak sembilan bulan lalu selepas kehilangan tempat bergantung apabila suami yang dikenali sebagai Rahim, 35, meninggal dunia Mac lalu.

Menurut Kak Bi, dia terpaksa menunggu sehingga li-



IMBAS...laporan Harian Metro, semalam.



MOHD FAIZAL...JKM terus bantu Kak Bi

ma jam untuk mendapatkan seorang pelanggan dan kerap berharap ada pihak menghulurkan bantuan kepadanya kerana tidak sanggup melakukakan kerja terbabit.

Berikutan faktor usia, Kak Bi berkata, kehadirannya di lorong gelap itu dianggap janggal di kalangan pelanggan.

Faizal berkata, pihaknya akan mengunjungi Kak Bi dalam tempoh terdekat bagi mendapatkan maklum balas berkaitan kehidupan di pusat perlindungan itu.

"Kak Bi tidak berdepan masalah tinggal di pusat perlindungan berkenaan kerana

ada ramai penghuni sebagai kawan.

"Semua kemudahan untuknya disediakan dan kami berharap Kak Bi tidak terjebak lagi dalam kegiatan terlarang itu," katanya.

Sementara itu, Kak Bi berkata, dia berterima kasih dengan keprihatinan JKM serta pusat perlindungan berkenaan bagi membantunya.

Pada masa sama, Kak Bi berharap JKM membantunya mendapatkan pekerjaan sesuai.

"Saya berdoa supaya Allah menunjukkan jalan baik bagi membolehkan saya memperbaiki kehidupan," katanya.